

## TATACARA PENYEDIAAN TEMPLAT BELANJAWAN MODAL (*CAPITAL BUDGETING*) PROJEK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### 1.0 TUJUAN

Tatacara ini disediakan bagi tujuan memberi panduan dan rujukan kepada Jabatan Bendahari / PTj bagi penyediaan Belanjawan Modal (*Capital Budgeting*).

### 2.0 KOMPONEN BELANJAWAN MODAL (*CAPITAL BUDGETING*)

Setiap penyediaan Belanjawan Modal mestilah mempunyai komponen berikut:

- a) Modal Awalan (*Seed Money*)
- b) Penerimaan / Hasil
- c) Perbelanjaan / Kos Operasi
- d) Lebihan / Kurangan
- e) Nilai Ambang (*Threshold*)
- f) Senario Kes
- g) Kadar Pulangan Dalaman (*Internal Rate of Return: IRR*)
- h) Nilai Masa Kini Bersih (*Net Present Value: NPV*)
- i) Tempoh Bayaran Balik (TBB)
- j) Pulangan atas Pelaburan (*Return On Investment: ROI*)

### 3.0 MODAL AWALAN (*SEED MONEY*)

Modal Awalan merupakan pelaburan terawal dalam sesuatu projek atau perniagaan yang digunakan bagi membangunkan idea, produk serta menjalankan kajian pasaran dalam fasa pembangunan serta menampung perbelanjaan penting bagi memulakan sesuatu projek yang diyakini mampu memberikan pulangan dalam bentuk keuntungan atas pelaburan.

### 4.0 PENERIMAAN / HASIL

4.1 Hasil merupakan pulangan yang diperolehi dalam bentuk kewangan daripada aktiviti penajaan seperti sewaan, penjualan produk atau perkhidmatan.

4.2 Hasil perlu ditetapkan berdasarkan harga produk/ perkhidmatan yang diperolehi daripada kajian pasaran atau jualan produk/ perkhidmatan sediaada.

4.3 Harga yang ditawarkan mestilah kompetitif, boleh dibandingkan dengan harga pasaran serta mampu menampung perbelanjaan kos operasi.

## 5.0 PERBELANJAAN/ KOS OPERASI

- 5.1 Perbelanjaan merujuk kepada kos yang perlu ditanggung dalam proses pembuatan produk/ perkhidmatan atau sesuatu yang boleh menghasilkan pendapatan.
- 5.2 **Kos langsung:** Kos yang ditanggung semasa aktiviti pengeluaran seperti kos bahan mentah, upah, perbelanjaan utiliti dan bahan bakar.
- 5.3 **Kos tidak langsung:** Kos yang tidak terlibat dalam aktiviti pengeluaran seperti sewa bangunan, pengiklanan dan pentadbiran.

## 6.0 LEBIHAN/ KURANGAN

- 6.1 Lebihan berlaku apabila jumlah hasil melebihi jumlah perbelanjaan. Manakala, kurangan berlaku apabila jumlah hasil kurang daripada jumlah perbelanjaan.
- 6.2 Lebihan/ kurangan menunjukkan kemampuan sesuatu projek untuk menampung kos operasi atau sebaliknya.

## 7.0 NILAI AMBANG (*THRESHOLD VALUE*)

- 7.1 Nilai Ambang merupakan kadar pulangan pelaburan **MINIMUM** yang ditetapkan oleh Universiti iaitu sebanyak 8% daripada purata keseluruhan keuntungan instrumen pelaburan Universiti.
- 7.2 Nilai Ambang yang ditetapkan bagi pelaburan semasa adalah bergantung kepada penilaian pelaburan Universiti dalam instrumen kewangan.

## 8.0 SENARIO KES

- 8.1 Senario kes merujuk kepada tiga situasi operasi projek iaitu:

Senario Kes	Terbaik	Normal	Terburuk
Julat Peratusan IRR	Melebihi 15%	9% sehingga 14%	Kurang daripada 8%
Justifikasi	Untung	Balik Modal	Rugi

- 8.2 Projek mestilah berkebolehan untuk beroperasi pada situasi Senario Kes Terbaik. Setiap permohonan perlu menyediakan *capital budgeting* bagi ketiga-tiga senario kes.

## 9.0 KADAR PULANGAN DALAMAN (*INTERNAL RATE OF RETURN*)

- 9.1 *Internal Rate of Return* (IRR) merupakan jangkaan kadar pertumbuhan yang mampu dihasilkan oleh sesuatu projek/ aktiviti yang memberikan keuntungan kepada Universiti.
- 9.2 IRR perlu bernilai positif dan melebihi nilai ambang, sekiranya IRR kurang daripada 8% (<8%) maka permohonan Modal Awalan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

## 10.0 NILAI KINI BERSIH (*NET PRESENT VALUE*)

- 10.1 Nilai Kini Bersih (NPV) merupakan jumlah semua nilai aliran tunai masuk berbanding dengan pelaburan asal.
- 10.2 NPV mestilah bernilai positif bagi Senario Kes Terbaik dan Senario Kes Normal.

## 11.0 TEMPOH BAYARAN BALIK (TBB)

- 11.1 Tempoh Bayaran Balik adalah berdasarkan kepada jumlah pembiayaan Modal Awalan yang diluluskan iaitu:

<b>Jumlah pembiayaan (RM)</b>	< RM1 juta	> RM1 juta
<b>Tempoh Bayaran Balik</b>	Dalam tempoh 3 tahun	Dalam tempoh 5 tahun

- 11.2 Minimum 60% daripada keuntungan akan digunakan untuk bayaran semula Modal Awalan.
- 11.3 Tempoh unjuran perlu ditetapkan mengikut jumlah pembiayaan Modal Awalan yang dimohon.

11.4 Kesesuaian tempoh ditetapkan bagi memastikan projek tersebut adalah berdaya saing (*viable*) dan mempunyai kemampuan untuk membayar balik Modal Awalan tersebut.

## 12.0 PULANGAN ATAS PELABURAN (ROI)

12.1 Pulangan atas pelaburan yang diperolehi daripada pelaksanaan projek yang diluluskan.

12.2 ROI diperolehi dengan menghitung keuntungan bersih daripada jumlah kos pelaburan dengan menggunakan formula di bawah:

$$\text{Pulangan Atas Pelaburan (ROI)\%} = \frac{\text{Keuntungan Bersih}}{\text{Modal Awalan}} \times 100\%$$

## 13.0 AGIHAN KEUNTUNGAN

Agihan Keuntungan hanya akan dilaksanakan selepas bayaran balik Modal Awalan telah selesai sepenuhnya dengan merujuk kepada **Garis Panduan Formula Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih UKM** yang sedang berkuatkuasa dan dikeluarkan oleh JANA@UKM.